

# Banjir musnahkan kebun sayur

**BATU 6** - "Bukan kami tak buat aduan, tapi aduan yang dibuat seperti dianaktirikan kerana pihak yang berkaitan tidak turun padang melihat permasalahan yang diadukan," luah seorang pekebun PD Sivakandhan berkaitan masalah perparitan di kawasan sini.

Katanya, masalah perparitan di sini amat serius sehingga menyebabkan kebun sayur yang diusahakan hampir 57 petani di sini mengalami kerugian setiap kali hujan lebat.

Dia yang bertani di di Batu 6, Jalan Langat, Johan Setia, Sempadan Kuala Langat, berkata, terpaksa menanggung kerugian besar selepas tanaman musnah akibat banjir tiga hari lalu.

Katanya, rata-rata pekebun berada dalam keadaan dilema dan ketandusan usaha apa yang harus dilakukan selain menanam semula tanaman yang telah rosak seperti bendi; bayam; dan cili.

"Harap pihak yang berkaitan dapat bantu selesaikan masalah yang melanda pekebun-pekebun sayur di sini secepat mungkin sekali gus meringan beban kami.

"Tanah seluas 4,000 ekar yang diusahakan sejak 15 tahun dulu, kini seolah-olah sedang



**Sebahagian tanaman yang rosak akibat banjir. Gambar kecil: Sivakandhan**

menanti masa ditenggelami air sekiranya pihak berkaitan tidak memantau kawasan persekitaran," katanya.

Katanya, masalah parit utama yang tersumbat dan pembangunan beberapa bangunan di kawasan berdekatan kebun menjadi punca berlaku banjir kerana ia menutup perparitan dan air hujan tidak dapat mengalir dengan betul.

"Apabila parit utama tersumbat dan hujan lebat, air akan melimpah lantas membahiri kawasan tanaman say-

ur. Apabila kawasan kebun dibanjiri air, mustahil untuk mengepam air keluar dan kami hanya mampu menunggu-nunggu surut. Tetapi apabila air surut semua tanaman musnah.

"Sistem perparitan tidak sempurna antara masalah terbesar kepada pekebun di sini. Setiap kali hujan lebat pekebun terpaksa mengeluarkan semua simpanan bagi memulakan semula tanaman baru untuk meneruskan kehidupan," katanya sambil memberitahu tindakan sebegini menyebabkan

pekebun berhadapan risiko kerugian.

Sementara itu, pekerjaan yang dikenali sebagai Amin berkata, tidak dinafikan golongan pekerja turut menanggung kerumitan kerana tanaman yang rosak terpaksa digantikan dengan yang baru.

Katanya, pihak berkaitan diminta dapat mengatasi masalah ini dengan mendalamkan dan melebarkan parit di kawasan berkenaan supaya sistem perparitan dapat mengalir dengan sempurna.